

PH tidak faham dasar Kementerian Luar



REEZAL MERICAN NAINA MERICAN

KUALA LUMPUR 16 Nov. - Belanjawan 2019 yang diumumkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng pada 2 November lalu membuktikan kerajaan Pakatan Harapan (PH) tidak memahami dasar-dasar Kementerian Luar.

Bekas Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reeza Merican Naina Merican berkata, perkara itu jelas apabila kerajaan hanya memperuntukkan RM748 bilion kepada Kementerian Luar.

“Jumlah tersebut sekadar satu peratus lebih tinggi jika dibandingkan dengan Bajet

2018 tetapi jauh lebih rendah daripada peruntukan yang diagihkan pada 2016 dan 2015.

“Peruntukan itu amat berbeza dengan negara-negara jiran di ASEAN. Kita lihat peningkatan cukup tinggi di Thailand, Filipina, Singapura sebanyak empat peratus manakala Indonesia hampir lapan peratus,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam perkembangan sama, Reeza Merican mendakwa, Belanjawan 2019 akan menyebabkan kedudukan hutang negara bertambah kerana berasaskan

kedudukan fiskal yang semakin merosot iaitu pada 3.7 peratus.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas berkata, secara tidak langsung keadaan itu menyebabkan belanjawan yang memperuntukkan RM316 bilion dilihat agak longgar dan tidak meyakinkan.

“Lebih parah apabila Belanjawan 2019 seakan-akan memperlihatkan rasa ketidakpedulian dalam memberi dan berkongsi secara merata kepada rakyat di peringkat bawahan terutamanya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah (B40),” katanya.